

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HSE 251 Sejarah Eropah Modern

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **LAPAN (8)** SOALAN DI DALAM **DUA (2)** HALAMAN.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Menurut sejarawan-sejarawan faktor-faktor ekonomi dan sosial menyebabkan Revolusi Perancis pada 1789. Setujukah anda bahawa faktor-faktor tersebut hanya muncul semasa pemerintahan Louis XVI ataupun lebih awal lagi?
2. Setakat manakah Napoleon telah mendukung idealisma Revolusi Perancis? Huraikan jawapan anda dengan berlandaskan kepada sistem pemerintahan Napoleon.
3. Bincangkan perkembangan liberalisme di Eropah antara tahun 1830 hingga 1848. Sejauh manakah pergerakan-pergerakan liberalisme mencapai matlamatnya?
4. Jelaskan sebab-sebab Otto von Bismarck berusaha dengan gigih untuk menyatupadukan Negara Jerman?
5. "Kelemahan Tsar Nicholas II telah menyebabkan tercetusnya Revolusi Rusia pada 1917." Alexander Kerenski. Setujukah anda?
6. Perang Dunia I sepatutnya harus dianggap sebagai Perang Eropah dan bukan Perang Dunia. Setujukah anda?

7. Pemerintahan Josef Stalin bertujuan hanya untuk memperkuatkan Rusia supaya berdiri setaraf dengan Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah yang maju. Oleh sebab itu dasar keganasan beliau tidak boleh dianggap sebagai suatu kelemahan peribadi. Bincangkan.
8. "Tentang pembunuhan beramai-ramai orang Yahudi di Negara Jerman, kita haruslah menyalahkan rakyat Jerman dan bukan Adolf Hitler kerana beliau dipilih dalam pengundian bebas untuk memegang teraju pemerintah negara Jerman." Shimon Arendt.

--ooo000ooo--